



## **MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

### **KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

#### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA Sehingga Minggu Ke 5 (7 Februari 2009)**

Sejumlah 1,232 kes demam denggi dengan tiga kematian telah dilaporkan ke Kementerian Kesihatan pada minggu ke 5 tahun 2009. Peningkat sebanyak 219 kes (22%) jika dibandingkan dengan jumlah kes pada minggu ke 4 iaitu 1,013 kes. Sebanyak 8 buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Kelantan (162%), Johor (40%), Selangor (33%), Perak (18%), Sabah (13%), Melaka (10%), Pahang (8%) dan Sarawak (2%) (Lampiran A). Negeri Selangor menyumbang 50% daripada kes dilaporkan bermula dari minggu pertama hingga minggu ke 5. Jumlah keseluruhan kes denggi sehingga 7 Februari 2009 ialah 6,766 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2008 iaitu 4,011 kes. Manakala jumlah terkumpul kematian pada tahun 2009 juga meningkat iaitu 18 kes berbanding pada tempoh yang sama tahun 2008 iaitu 7 kes.

Pada minggu sebelumnya terdapat 44 'hot spot' yang dilaporkan dan 18 lokaliti telah bebas wabak denggi (Lampiran D), walau bagaimana ada 13 hot-spot baru yang menjadikan jumlah terkini berjumlah 39 'hot spot'. Taburan 'hot spot' mengikut negeri ialah Selangor (33 'hot spot'), WP

Kuala Lumpur-Putrajaya (4 'hot spot') manakala Johor dan Sarawak masing-masing 1 'hot spot'. (Lampiran C).

Aktiviti promosi kesihatan juga dipertingkatkan pada tahun ini, sehingga 7 Februari 2009, sejumlah 179 gotong-royong telah dilaksanakan di seluruh negara dengan kehadiran 6,951 penduduk berbanding dengan 83 gotong-royong dengan 5,464 kehadiran dalam tempoh yang sama pada tahun 2008. Negeri yang banyak melakukan gotong-royong pada tahun ini ialah Negeri Selangor (51 gotong-royong), Perak (20 gotong-royong) manakala Kedah, Johor dan Terengganu masing-masing 15 gotong-royong (Lampiran F). Pada keseluruhannya, ada peningkatan aktiviti promosi kesihatan pada tahun ini, dimana 35,042 hebahan awam telah dilaksanakan berbanding 11,681 dalam tempoh sama tahun 2008 (Lampiran F). Peningkatan peratusan aktiviti lain iaitu ceramah 10%, edaran risalah 33% dan tunjuk cara 35% dilihat pada tahun ini. Pada minggu ini sahaja 60 (50%) aktiviti gotong-royong telah dijalankan berbanding 121 sasaran yang ditetapkan.

Hasil pemeriksaan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan & Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga 7 Februari 2009, menunjukkan sebanyak 1,672 premis menunjukkan positif pembiakan nyamuk *Aedes*. Pemeriksaan pada minggu ini mencatatkan 74% premis positif pembiakan *Aedes* adalah rumah kediaman dan kedai. Pemeriksaan juga menunjukkan positif pembiakan *Aedes* yang tinggi terutamanya di pembahagi jalan 23%, kawasan kilang 18% dan sekolah 11%. Melalui tindakan penguatkuasaan, sejumlah 1950 kompaun bernilai RM 65,151 serta 311 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 109 kes telah dilaporkan diseluruh negara pada minggu Epid ke 5 iaitu peningkatan sebanyak 15

kes (14%) jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya (94 kes). Daripada jumlah tersebut, seramai 74 (67.8%) pesakit Chikungunya hanya mendapatkan rawatan pesakit luar dan selebihnya memerlukan rawatan di hospital. Tiada kes yang melibatkan kematian dilaporkan setakat ini.

Seratus sembilan (109) kes yang dilaporkan adalah dari 105 lokaliti di 11 buah negeri iaitu Kelantan dan Selangor masing-masing (26 kes), diikuti oleh Perak (21 kes), Johor (11 kes), Pahang (6 kes), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (5 kes) Negeri Sembilan dan Terengganu masing-masing (4 kes), Pulau Pinang (3 kes), Kedah (2 kes) dan Perlis (1 kes) (Lampiran B). Pada minggu ini juga sebanyak 10 lokaliti wabak dilaporkan diseluruh negara.( Lampiran E). Sebanyak 14,516 premis dirancang untuk dibuat semburan kabus bagaimanapun hanya 3847 premis (26.5%) dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien manakala majoriti dari premis ini tertutup atau berkunci. Selain itu 4 aktiviti gotong-royong yang dirancang bagi minggu tersebut tetapi hanya 2 aktiviti dapat dilaksanakan. Berdasarkan situasi tersebut, kerjasama penduduk tempatan dalam bersama-sama mengawal jangkitan Chikungunya bolehlah dianggap belum mencapai tahap optimum.

Melihat kepada situasi Denggi dan Chikungunya yang tidak menentu, pihak Kementerian Kesihatan menyeru pihak berkenaan terutamanya Jabatan Kesihatan Negeri memperkukuhkan aktiviti pencegahan dan kawalan agar hot spot yang melebihi 2 minggu dapat dijadikan kawasan bebas denggi. Usaha yang sedia ada perlu dipertingkatkan supaya kes denggi dapat dikurangkan berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu selaras dengan target Kementerian Kesihatan untuk menurunkan jumlah kes 10% setiap tahun. Pengarah Kesihatan Negeri dan Pegawai Kesihatan

Daerah perlu memastikan agar tindakan pencegahan, kawalan dan pemantauan denggi dilakukan secara berterusan. Disamping itu Kementerian Kesihatan juga menyeru agar masyarakat dan agensi lain mempertingkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti pencegahan denggi dan kawalan denggi bagi mengekang penularan penyakit ini.

**DATO' LIOW TIONG LAI**  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

13 Februari 2009

## LAMPIRAN A

### Kes Denggi Dilaporkan Pada Minggu Epid 5 Berbanding Jumlah Kes Minggu Epid 4, 2009.

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga 7 Feb 2009	Jumlah Kes bagi tempoh sama 2008
		Minggu 4/09	Minggu 5/09		
1.	Perlis	6	6	19	12
2.	Melaka	20	22	87	55
3.	Perak	99	117	572(1)	463
4.	Sarawak	41	42	233	127
5.	Johor	45	63	333(2)	275(2)
6.	WPKL - Putrajaya	102	96	634(4)	494
7.	Pahang	26	28	167	200
8.	N.Sembilan	24	21(1)	139(2)	114
9.	Sabah	24	27	124(1)	127
10.	Kedah	30	25	190	122
11.	Selangor	496(2)	662(2)	3549(8)	1429(3)
12.	P.Pinang	64	61	390	197
13.	Terengganu	20	20	143	210(1)
14.	Kelantan	16	42	186	186(1)
15.	Labuan	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1013(2)</b>	<b>1232(3)</b>	<b>6766(18)</b>	<b>4011(7)</b>

**Nota:**

- ( - ) Menurun
- Jumlah didalam kurungan ( ) ialah jumlah kematian denggi.

**LAMPIRAN B****JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG  
DILAPORKAN PADA MINGGU EPID KE 4 DAN 5 BAGI TAHUN 2009**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Kes</b>		<b>Jumlah Terkumpul Minggu 1-5 Tahun 2009</b>	<b>Jumlah Kes bagi tahun 2008</b>
		<b>Minggu 4 (25-31Jan09)</b>	<b>Minggu 5 (1-7Feb09)</b>		
1	Selangor	9	26	151	353
2	Kelantan	38	26	155	135
3	Perak	19	21	148	590
4	Johor	6	11	68	1,846
5	Kedah	0	2	29	181
6	Pahang	3	6	40	341
7	Pulau Pinang	3	3	36	6
8	WP KL-Putrajaya	0	5	34	27
9	Negeri Sembilan	3	4	15	176
10	Perlis	0	1	3	3
11	Melaka	0	0	0	606
12	Terengganu	3	4	24	4
13	Sarawak	0	0	0	3
14	Sabah	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>94</b>	<b>109</b>	<b>703</b>	<b>4,271</b>

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan,  
Bahagian Kawalan Penyakit,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

7 Februari 2009

LAMPIRAN C

**SENARAI LOKALITI YANG MELAPORKAN PENULARAN KES  
DENGGI MELEBIHI TEMPOH SEBULAN (sehingga 7 Februari 2009)**

Bil	Negeri	Daerah/ Zon/PBT	Lokaliti	Jumlah kes Terkumpul	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	Selangor	PT	Seksyen 7, Flat C	71	133
2	Selangor	PT	Seksyen 7, Flat A	62	120
3	Selangor	MPKj	Taman Kajang Perdana*	67	115
4	Selangor	GB	Taman Sri Gombak Z3*	46	106
5	Selangor	MPKj	Zon 1 Taman Sepakat Indah	55	105
6	Selangor	MPKj	Taman Semenyih Indah	20	94
7	Selangor	MBSA	Teres D Seksyen 24	31	93
8	Selangor	PT	Seksyen 7, Teres A	45	85
9	Selangor	PT	Seksyen 18, Teres A	39	84
10	Selangor	MPKj	Seksyen 2 Bandar Sri Putra	21	80
11	Selangor	MPKj	Zon 1 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	46	78
12	Selangor	MBSA	Padang Jawa B	25	73
13	Selangor	MBSA	Flat 18/43 (Eps 2)	23	72
14	Selangor	MBSA	Padang Jawa C	45	69
15	Selangor	MBSA	Flat 18/3(Eps 2)	22	69
16	Selangor	GB	Kg Laksmana	34	66
17	Selangor	MPSJ	Taman Puchong Perdana	26	64
18	Selangor	MBSA	Flat PKNS Seksyen 20	19	60
19	Selangor	MBSA	Teres A, Seksyen 25	37	58
20	Selangor	PT	Seksyen 18, Teres B	17	56
21	WPKL	SETAPAK	Taman Setiawansa Kws (F)	14	56
22	Selangor	GB	Bandar Baru Selayang F2	47	54
23	WPKL	PUSAT BANDAR	Flat Sentul Utama	18	54
24	Selangor	MPKj	Seksyen 2 Bandar Rinching	22	52
25	Selangor	PT	Seksyen U10 Puncak Perdana	14	52
26	Selangor	GB	Taman Pinggiran Batu Caves	9	48
27	Selangor	MBSA	Teres C Seksyen 27	17	45
28	Selangor	MBSA	Seksyen 10*	9	45
29	Selangor	MPKj	Taman Sri Jelok	16	44
30	Selangor	MPSJ	Taman Puchong Indah*	14	41
31	Selangor	MBSA	Teres B Seksyen 25*	13	41

32	Selangor	MBSA	Flat 8A, Seksyen 8*	13	35
33	Selangor	MPSJ	Bandar Puchong Jaya*	27	35
34	Selangor	MPKj	Taman Jasmin*	10	34
35	Selangor	MPSJ	Taman Puchong Permai*	4	32
36	WPKL	CHERAS	Taman Ikan Emas*	9	32
37	Sarawak	PBT	Kpg Sg Bedil Besar*	5	32
38	WPKL	CHERAS	Desa Tasik (Qrts Polis )*	5	30
39	Johor	PBT	Tmn.Sentosa – Songket*	7	30

\* Hot spot baru

## SENARAI “HOT SPOT” BEBAS WABAK DENGGI SEHINGGA 7 FEB 2009

BIL	NEGERI	LOKALITI	MAJLIS PERBANDARAN	BIL. KES DILAPORKAN	TEMPOH WABAK (HARI)
1	Selangor	Tmn Cheras\Jaya	MPKj	33	88
2	Selangor	Tmn Kajang Baru	MPKj	25	81
3	Selangor	Tmn Kajang Jaya	MPKj	19	67
4	Selangor	Seksyen 3 Bandar Sri Putra	Puchong	23	66
5	Selangor	Tmn Bkt Mewah Zon 4	MPKj	26	60
6	Selangor	App Perdana Seksyen 13	MBSA	26	52
7	Selangor	Lokaliti 1 Bdr Baru Btg Kali	Ulu Selangor	12	51
8	Selangor	Seksyen U3 Sbg Perdana	MP Petaling	29	51
9	Selangor	Seksyen 11	MBSA	23	51
10	Selangor	Flat Seksyen 6	MBSA	14	48
11	Selangor	Kg Sg Kantan Kjang	Hulu Langat	16	45
12	Selangor	Qtrs Penjara Kajang	Hulu Langat	17	37
13	Selangor	Seksyen 16 BBB Zon 5	MPKj	19	37
14	Selangor	Seksyen 33 Tmn Alam Indah	MBSA	18	36
15	Selangor	Taman Zamrod	MPKj	7	36
16	Selangor	Teres A Seksyen 8	MBSA	10	36
17	WP KL	Bdr Baru Sentul (Menara Orkid)	P.Bandar	18	45
18	Terranganu	Kg Gelong Bilal	MPKT	5	30

## LOKALITI WABAK CHIKUNGUNYA PADA MINGGU EPID-5, 2009

No.	Lokality	NEGERI	Bil kes Dilaporkan	Tempoh Wabak (Hari)
1	Tmn Nesa Setiawan, Majung	Perak	2	8
2	Kg Keruak.Besut	Terengganu	4	14
3	Kg.Belao, Besut	Terengganu	5	14
4	Kg Pak Syik, Besut	Terengganu	11	14
5	Kg Chucuh Puteri A , K.Krai	Kelantan	5	14
6	Kg. Bendang Ikan, Pasir Mas	Kelantan	2	14
7	Kg. Guai Sok Sek, Pasir Mas	Kelantan	2	14
8	Taman Apam. Pasir Mas	Kelantan	2	11
9	Kg. Kubang Bedang, Pasir Mas	Kelantan	2	14
10	Kg Seri Sepakat, Shah Alam	Selangor	2	8
		<b>JUMLAH</b>	37	14

## LAMPIRAN F

## PENCAPAIAN AKTIVITI PROMOSI KESIHATAN DENGGI

Sehingga 7 Februari 2009

Bil	Negeri	Gotong-royong		Ceramah		Hebahan	Risalah	Poster	M.Luar	P.Kump.Kecil		Dialog		Tunjukcara		N.Individu
		Bil	Keh	Bil	Keh					Bil	Keh	Bil	Keh	Bil	Keh	
1	PERLIS	3	90	2	400	298	2825	50	0	172	704	0	0	269	1346	2897
2	KEDAH	15	450	45	1318	183	6848	878	45	1283	5840	7	135	3108	6160	5353
3	P.PINANG	4	120	0	0	348	18,319	361	10	1157	12,299	543	4167	11,805	14,439	25,118
4	PERAK	20	593	33	1082	1668	25,317	389	77	10,368	27,875	149	1303	24,891	40,479	39,917
5	SELANGOR	51	1590	55	5945	18454	56,800	1716	62	3896	21,054	22	749	11,902	12,475	26,940
6	KL/ PJAYA	0	0	14	750	1058	45,665	440	112	564	2185	45	540	832	862	1771
7	N.SEMBILAN	12	953	5	430	841	22,507	196	74	1620	3971	0	0	1431	2932	17,668
8	MELAKA	3	90	3	350	797	17,417	275	172	12,881	25,780	0	0	8848	8848	17,390
9	JOHOR	15	1066	13	766	4085	43,596	1060	710	807	7699	34	457	17,804	35,080	61,369
10	PAHANG	13	410	14	2591	2550	30,485	2591	72	9454	29,948	3	900	7028	16,098	25,070
11	TERENGGANU	15	470	19	1371	1280	15,561	1865	384	6390	19,017	1	40	2803	4504	5447
12	KELANTAN	12	465	53	2720	2771	29,912	374	161	5268	21,691	13	474	3192	12,742	16,408
13	SARAWAK	14	594	4	210	134	2455	81	2	428	1284	0	0	675	1738	2568
14	SABAH	2	60	5	2209	575	8631	323	4	3917	9025	16	120	2624	4234	9422
15	LABUAN	0	0	0	0	0	118	0	0	41	167	0	0	0	0	34
<b>JUMLAH</b>		<b>179</b>	<b>6,951</b>	<b>265</b>	<b>20,142</b>	<b>35,042</b>	<b>326,456</b>	<b>10,599</b>	<b>1,885</b>	<b>58,246</b>	<b>188,539</b>	<b>833</b>	<b>8,885</b>	<b>97,212</b>	<b>161,937</b>	<b>257,372</b>